

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JUN 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27

Gubal undang-undang nyah karbon

Gubal undang-undang nyah karbon

Bagi membolehkan pelaburan dalam aktiviti ekonomi hijau dapat dipercepatkan

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Kerajaan perlu menyegerakan penggubalan undang-undang nyah karbon bagi mengawal selia, sekali gus membolehkan pelaburan dalam aktiviti ekonomi hijau itu dijalankan di negara ini menjelang 2030.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, peralihan kepada ekonomi hijau adalah antara sasaran utama negara dalam usaha menarik minat lebih ramai pelabur untuk turut serta membangunkan sektor berkenaan.

Jelas beliau, Terengganu berpotensi untuk membangunkan industri tersebut kerana memiliki banyak lapangan minyak yang sudah tidak digunakan dan boleh dimanfaatkan melalui



Rafizi (tengah) bersama Ahmad Samsuri (kanan) pada sidang akhbar selepas menghadiri Sesi Libat Urus (SLU) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (KSP RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Terengganu di Wisma Darul Iman pada Selasa.

kaedah teknologi penangkapan dan penyimpanan karbon (CCS).

"Terengganu mempunyai potensi yang besar kerana salah satu komponen kepada peralihan tenaga atau teknologi hijau ialah bagaimana kita me-

nyah karbon kandungan karbon yang tinggi. Jadi, negara yang boleh menyah karbon, ekonomi mereka akan dilihat berada di hadapan.

"Peluang yang ada di Terengganu ialah dengan kita suntik karbon dari persekitaran

atau yang diimport dari negara lain untuk disuntik ke dalam telaga minyak yang sudah tidak dipakai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Sesi Libat Urus (SLU) Kajian Separuh Penggal

Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (KSP RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Terengganu di Wisma Darul Iman di sini pada Selasa.

Hadir sama, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Jelas Rafizi, berdasarkan perancangan sedia ada, fasiliti pertama yang dijangka membangunkan teknologi hijau itu ialah di Kerteh, Kemaman pada 2030.

"Jika sasaran ini boleh dicapai, industri minyak dan gas yang ada di Kerteh sekarang akan bertukar menjadi industri hijau dengan menggunakan telaga minyak sedia ada untuk menyimpan serta menyah karbon.

"Sebab itu kita mahu mempercepatkan, sebab satu perkara kita boleh buat ialah Kementerian ekonomi dan kerajaan perlu percepatkan mengubal undang-undang untuk mengawal selia aktiviti nyah karbon.

"Saya jangka jika sudah ada undang-undang, ia boleh dilaksanakan lebih awal iaitu pada 2028," katanya.